



PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

TERMA RUJUKAN

**TENAGA PAKAR SEMAKAN DAN PENAMBAHBAIKAN
GARIS PANDUAN PELESENAN PERNIAGAAN BAGI
KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI (MPIC),
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (MOE),
&
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ)**

1.0 RINGKASAN PROJEK

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Siri 12 Bil. 2 Tahun 2020 yang telah dipengerusikan oleh YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia pada 25 Jun 2020 telah secara prinsipnya bersetuju dengan syor MPC supaya semua Kementerian/ Agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan Kerajaan Tempatan yang bertanggungjawab mengeluarkan permit dan lesen menerbitkan Garis Panduan Permohonan Lesen dan dipaparkan secara dalam talian untuk makluman umum. Ianya bertujuan mewujudkan mekanisme yang lebih telus dalam proses pengurusan permit dan lesen, meningkatkan integriti dan mengelak berlakunya rasuah selaras dengan Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) di bawah Inisiatif 2.1.6.

Ketelusan juga salah satu elemen yang ditekankan dalam pelaksanaan Amalan Baik Beraturan (GRP). Menyedari perkara ini, semua peraturan terutama pelesenan perniagaan perlulah dikumpulkan dan dikongsikan kepada semua pihak berkepentingan dan sebagai rujukan kepada pelabur-pelabur samada tempatan atau antarabangsa agar proses kawal selia dan pematuhan undang-undang dapat berjalan dengan telus, sempurna dengan kos pematuhan yang efektif.

2.0 OBJEKTIF

Objektif projek ini adalah seperti berikut :

- i. Untuk mengenalpasti peraturan pelesenan perniagaan yang perlu ditambahbaik; dan
- ii. Untuk membangunkan dan menambahbaik dokumen garis panduan pelesenan bagi tujuan terbitan dalam talian
- iii. Untuk memudahkan urusan menjalankan aktiviti perniagaan

3.0 SKOP PROJEK

Skop projek ini merangkumi kawal selia peraturan, pematuhan dan prosedur bagi pelesenan perniagaan yang dikawalselia oleh MPIC, MOE & JPJ.

4.0 FASA PROJEK

Tenaga pakar yang dilantik dikehendaki melaksanakan projek seperti fasa berikut;

- i. Menganalisa: Maklumat awalan berkaitan pelesenan perniagaan
- ii. Semakan Deraf: Menilai kecukupan maklumat pelesenan perniagaan
- iii. Cadangan Semakan: Laporan bagi mengenalpasti maklumat peraturan pelesenan perniagaan yang boleh ditambahbaik dan diperkemas.
- iv. Memudahcara sesi seranta awam/libat urus bersama Pihak berkuasa Melesen (PBM) dan pihak berkepentingan lain yang berkenaan.

5.0 STRUKTUR BAYARAN

Bayaran projek adalah sebanyak **RM 1,500 (Ringgit Malaysia: Seribu Lima Ratus Sahaja)** sehari. Sila rujuk jadual di **Perkara 9.0** untuk perincian bayaran.

6.0 PINDAAN DAN PEMBATALAN PROJEK

Diatas faktor kepentingan perkhidmatan, MPC berhak untuk meminda dan membatalkan lantikan dan terma rujukan kontrak sekiranya perkhidmatan yang diberikan tidak memenuhi piawaian dan juga di atas sebab-sebab lain yang difikirkan munasabah. Walau bagaimanapun, notis makluman akan diberikan terlebih dahulu sebelum pindaan atau pembatalan lantikan dilakukan.

7.0 TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK (NOV-DIS 2020)

No	Aktiviti	Nov	Dis
1	Analisa		
2	Semakan		
3	Laporan		
4	Sesi Seranta Awam		

8.0 ISI KANDUNGAN LAPORAN PROJEK

- 1.0 Pengenalan/ latarbelakang
- 2.0 Cadangan Semakan
- 3.0 Maklumbalas sesi seranta awam/libat urus
- 4.0 Rumusan/ Penutup

9.0 PERINCIAN BAYARAN

Cadangan perincian bayaran untuk tugas ini seperti jadual di bawah.

	Deskripsi Tugas	Man-days	Kadar	Jumlah
1.	Menganalisa, membuat semakan dan mengenalpasti maklumat peraturan pelesenan perniagaan untuk pembangunan dan penambahbaikan garis panduan pelesenan perniagaan bagi lesen berikut: 1. Pendaftaran Institusi Pendidikan (Tadika/ Sekolah Swasta) (MOE) 2. Lesen Pengeluaran Biobahan Api (MPIC) 3. Lesen Perniagaan Biobahan Api (MPIC) 4. Lesen Perkhidmatan Biobahan Api (MPIC) 5. Tukar Enjin Kenderaan (JPJ) 6. Kelulusan Penggunaan Cermin Gelap (JPJ) 7. Penukaran Struktur Panel Kenderaan Kemalangan (JPJ) 8. Mengecop Semula Nombor Enjin dan Chasis (JPJ)	5	1,500	7,500
2.	Memudahcara sesi seranta awam/libat urus bersama Pihak berkuasa Melesen (PBM) dan pihak berkepentingan lain yang berkenaan.	2	1,500	3,000
	JUMLAH	7		10,500